# Jadikan kenduri sederhana satu budaya

**Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL**
pengarang@utusan.com

■ **KUALA LUMPUR 8 DIS.**

MASYARAKAT pada masa kini dilihat semakin membudayakan amalan melangsungkan kenduri perkahwinan di luar kemampuan kewangan sehingga menyebabkan mereka terpaksa berhutang keliling pinggang.

Ketua Pusat Kecemerlangan Keluarga, Remaja dan Kanak-Kanak (FACE) Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Rumaya Juhari berkata, pengurusan kewangan yang bijak dan sistematik bagi pasangan baharu mendirikan rumahtangga perlu diutamakan berbanding majlis perkahwinan.

Menurut beliau, pasangan dan juga kedua-dua keluarga perlu kembali kepada konsep asal iaitu menjemput saudara dan rakan-rakan menjamu selera di samping menguar-uarkan perkahwinan supaya tidak menimbulkan sebarang fitnah kelak.

"Bagaimanapun, masyarakat kini lebih suka bermegah atau mempamerkan bahawa mereka mampu melangsungkan perkahwinan yang mewah seperti artis-artis tempatan. Paling dikesalkan mereka sanggup menghabiskan berpuluh ribu ringgit untuk sehari majlis, sedangkan duit itu boleh digunakan untuk memulakan kehidupan baharu yang pastinya mempunyai komitmen tinggi.



Masalah kewangan jadi punca utama konflik perkahwinan

## Kenduri besar bawa padah

Oleh KAMIL MASLIH

■ KUALA LUMPUR 7 DIS.

LAPORAN KHAS

MAJLIS perkahwinan di luar kemampuan kewangan sudah menjadi sinonim dengan masyarakat di negara ini biarpun terpaksa berhutang berbelas dan berpuluh ribu ringgit.

Masalah kewangan yang diha... pasangan 'berhutang' ini ke...nya melarat walaupun se... anak sudah bersekolah dan ...mustahil mewujudkan keada... konflik yang berakhir dengan ...aian.

...kup mengejutkan, kajian oleh ... Kecemerlangan Keluarga, ...aja dan Kanak-Kanak (FACE) ...ulti Ekologi Manusia Universiti ...tra Malaysia (UPM) terhadap 549 ...dividu yang baharu dua tahun ...kahwin mendapati 37 peratus ...adanya sudah meluahkan ... berpuas hati dengan perk... mereka.

...agai sudah dapat ... ...salah kewangan ... ...ma kepada konfli... ...eka dan ma... ...cing berh... ...uk si...

Ketua FACE, Prof. Madya Dr. Rumaya Juhari berkata, beliau tidak menolak antara punca masalah kewangan yang menimpa pasangan muda itu adalah akibat beban hutang berikutan majlis perkahwinan di luar kemampuan.

Jelas beliau, ramai pasangan suami isteri pada masa kini gagal membuat perancangan kewangan untuk jangka masa panjang dan mengambil mudah terhadap trend meminjam wang untuk berkahwin walaupun kosnya mencecah antara RM25,000 hingga RM35,000.

"Bagi mereka berkemampuan atau memang dari keluarga kaya, saya tidak berapa ki... ...sa... ...imbangkan terha...

...dapat tajaan," katanya.

Jelas beliau, apa yang cukup dibimbangkan adalah kajian itu juga mendapati hanya 16 peratus daripada responden terbabit sudah mempunyai anak, ini bermakna beban kewangan sudah pun meruncing sebelum individu berkenaan mempunyai jumlah tanggungan lebih besar.

"Tempoh dua tahun pertama perkahwinan sepatutnya menjadi tempoh berbulan madu, yakni tempoh bahagia tetapi masalah berpunca kesilapan menguruskan kewangan ini boleh merosakkan hubungan dan menjadi 'api dalam sekam' sehingga mengakibatkan perkahwinan dibubarkan," katanya.

Katanya, masalah belanja perkahwinan di luar kemampuan tidak boleh ditujukan kepada pasangan suami isteri sahaja tetapi juga didorong oleh keluarga kedua-dua pihak sehingga konsep majlis ...winan yang mulia, berubah ...eluang untuk b...

**Tempoh dua tahun pertama perkahwinan sepatutnya menjadi tempoh berbulan madu, yakni tempoh bahagia tetapi masalah berpunca kesilapan menguruskan kewangan ini ...n merosakkan**

**KERATAN *Utusan Malaysia*, semalam.**

"Mentaliti masyarakat yang beranggapan kenduri kecil atau sederhana kerana berkemungkinan pengantin wanita telah mengandung awal atau tidak berkemampuan perlu diubah dan dididik semula demi menjaga institusi perkahwinan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Dalam pada itu, Rumaya berkata, perkara tersebut perlu diambil perhatian masyarakat berikutan pihaknya khuatir pasangan yang baharu mendirikan rumah tangga kini tidak berpuas hati hanya disebabkan masalah kewangan.

"Perkara yang wajib adalah mas kahwin, manakala hantaran pula adalah hadiah pihak lelaki untuk wanita. Ikut latar belakang dan kemampuan, jika mampu tidak kisah untuk berbelanja mewah tetapi harus diingat Islam melarang umatnya melakukan pembaziran.

"Pasangan yang hendak berkahwin ini memerlukan bimbingan keluarga bukan sebaliknya, keluarga berlebihan dengan meminta itu ini di luar kemampuan anak sehingga menyebabkan mereka terpaksa berhutang," katanya.

**info**

### HANTARAN

| Kelulusan | Wang Hantaran |
|---|---|
| PMR/UPSR/SRP | RM1,000-3,000 |
| STPM/Diploma | RM8,000-12,000 |
| Ijazah Sarjana Muda | RM12,000-15,000 |
| Ijazah Sarjana Muda Kedua / Sarjana | RM15,000-20,000 |
| PhD | RM20,000-30,000 |

*maklumat dipetik daripada forum sosial di internet